

Pemimpin veteran dilatih guna media alternatif
Utusan Online
17 Mac, 2012
Oleh RODELIO JUNJUN TAUCAN

JELI 17 Mac - Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan bercadang memberi latihan mengenai penggunaan alam maya dan media alternatif kepada bekas-bekas pemimpin di seluruh negara.

Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, langkah tersebut diambil memandangkan golongan berkenaan diyakini masih mampu menyumbang pemikiran kepada perkembangan dan transformasi yang dicanang oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, latihan yang diberikan itu tidak perlu dibuat secara intensif sebaliknya sekadar membolehkan pemimpin-pemimpin veteran terbabit mampu menyesuaikan diri dan mempunyai akses secara langsung kepada internet.

Katanya, cadangan tersebut akan dikemukakan kepada Majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak) yang turut diberi kepercayaan untuk memastikan program transformasi golongan itu terlaksana.

"Kita ketahui perkembangan di alam maya sekarang terlampau banyak dan sekiranya seseorang individu yang masih bertenaga tidak mempunyai asuhan dan latihan yang sederhana kita akan ketinggalan. - Utusan

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0317&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_19.htm